

## FASILITI DAN PENEMPATAN

UTM menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sokongan yang komprehensif seperti :

- Penginapan Pelajar
- Keusahawanan Pelajar
- Bantuan Kewangan Pelajar
- Pusat Kesihatan Pelajar
- Kebajikan Pelajar
- Skim Pelajar Bekerja
- Perkhidmatan Pengangkutan
- Perkhidmatan Kaunseling
- Unit Kebudayaan
- Sukan dan Rekreasi
- Alumni dan banyak lagi.

## Kenapa Memilih PROGRAM ASASI UTM

Yuran yang berpatutan

Persekitaran jalinan rakan sebaya yang hebat

Tenaga pengajar yang sangat berpengalaman dan berkelayakan

Kemudahan fasiliti UTM yang kondusif dan makmal penyelidikan bertaraf dunia

Peluang memilih program UTM-IDP yang diminati selepas tamat Program Asasi


Sistem e-pembelajaran yang komprehensif dan pengkalan data penyelidikan perpustakaan digital terbesar



# MEMBENTUK MINDA MASA DEPAN YANG HEBAT

Perkembangan pendidikan anda, keutamaan kami  
kecemerlangan anda, komitmen kami

## LALUAN PENDIDIKAN



\* Mengikut terma & syarat

Mohon secara atas talian @ [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

UTMSPACE  
Aras 4 dan 5, Blok T05,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai, Johor, Malaysia

+607-5610100 / 5611001

+6019-7776690

foundation@utmspace.edu.my

[www.utmspace.edu.my/foundation](http://www.utmspace.edu.my/foundation)



## PROGRAM ASASI UTM

Membentuk Kualiti Terbaik dalam Diri Mu



## PENGENALAN

- Program Asasi UTM (Foundation Programme) merupakan program akademik selama setahun yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Ia sebagai satu pilihan alternatif dalam pendidikan pra-universiti, selain dari matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), dan lain-lain program asasi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Program Asasi UTM ini mempersiapkan pelajar dengan laluan pendidikan lanjutan ke program-program peringkat Ijazah Sarjana Muda di UTM atau pun di mana-mana universiti Awam dan Swasta pilihan mereka bagi meneruskan program akademik dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi ataupun sains sosial.
- Disamping itu, Program Pembangunan Bakat Muda Lulusan SPM 2017 (YTP) dibawah MARA turut menawarkan program Asasi UTM (Kod Program : MARA0104\_2018) kepada pelajar-pelajar tajaan mereka di Kolej MARA Banting (KMB) dan Kolej MARA Seremban (KMS) sebagai laluan bagi meneruskan pengajian mereka dalam mana-mana program Sarjana Muda di UTM. (Laman Web : <https://www.bumigemilang.com/program-mara-bagi-pelajar-spm-2017-program-pembangunan-bakat-muda-lulusan-spm-2017/>).
- Tempoh pengajian bagi program Asasi UTM ini adalah selama satu tahun secara Sepenuh Masa. Sesi akademik pelajar sepanjang program ini dibahagikan kepada tiga semester (52 minggu).
- Terdapat dua sesi pengambilan pelajar pada setiap tahun untuk program Asasi UTM ini iaitu pada MEI & JULAI

## OBJEKTIF PROGRAM ASASI UTM

Di akhir pengajian program Asasi UTM, pelajar akan berupaya :

- Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman dalam bidang pengajian yang merupakan lanjutan dari persekolahan menengah sebagaimana terdapat di buku-buku teks lanjutan
- Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk mengenal pasti dan menggunakan data bagi memberi respon yang jelas kepada permasalahan yang kritikal dan kompleks
- Berkomunikasi dan menjelaskan kefahaman dan kemahiran kepada rakan dan penyelia mereka
- Menunjukkan kemahiran bagi meneruskan pengajian tinggi

## KURIKULUM PROGRAM ASASI

SEMESTER	KOD	KURSUS	KREDIT
I	FSPM0014	Matematik Pertengahan	4
	FSPK0012	Literasi Pengkomputeran	2
	FSPH0012	Asas Pengetahuan	2
	FSPE0012	Bahasa Inggeris Am	2
	<b>JUMLAH</b>		
II	FSPM0024	Kalkulus	4
	FSPF0014	Fizik I	4
	FSPF0022	Praktikal Fizik I	2
	FSPC0014	Kimia I	4
	FSPC0022	Praktikal Kimia I	2
	FSPI0012	Falsafah Sains dan Teknologi	2
	FSPE0022	Kemahiran mendengar dan berbicara akademik	2
	<b>JUMLAH</b>		
III	FSPM0034	Statistik dan Kebarangkalian	4
	FSPF0034	Fizik II	4
	FSPF0042	Praktikal Fizik II	2
	FSPC0034	Kimia II	4
	FSPC0042	Praktikal Kimia II	2
	FSPK0022	Asas Pengkomputeran	2
	FSPE0032	Kemahiran membaca dan menulis akademik	2
	<b>JUMLAH</b>		
<b>JUMLAH KREDIT KESELURUHAN</b>			<b>50</b>

## SYARAT KEMASUKAN

### Pemohon Malaysia

- Lulus SPM atau setara dengan sekurang-kurangnya 5 (Lima) kredit dalam subjek-subjek termasuk Matematik dan 2 (Dua) subjek-subjek Sains; ATAU
- Lulus O Level dengan gred minimum B dalam 3 (Tiga) subjek termasuk Matematik dan 2 (Dua) subjek-subjek Sains; ATAU
- Kelayakan - kelayakan setara lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

### Pemohon Antarabangsa

- Lulus O Level atau kelayakan setara, ATAU
- SMU 3 / SMA dengan purata gred 5-5.9 (bagi pemohon dari Indonesia); ATAU
- Kelayakan setara lain yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Memperolehi sekurang-kurangnya Gred A- dalam Matematik, Fizik dan Kimia serta kelayakan Bahasa Inggeris yang setara dengan Cambridge O Level 1119, dengan memperolehi minimum Gred 6.

## STRUKTUR YURAN

### Pelajar Malaysia

<b>Yuran Pendaftaran (Pelajar Baharu)</b>	
i. Yuran pendaftaran	<b>RM 1,300</b>
ii. Pemeriksaan Kesihatan	<b>RM 150</b>
<b>Yuran Pembelajaran (setiap semester)</b>	
i. Semester Pertama (Mei)	<b>RM 1,200</b>
ii. Semester Kedua (Julai)	<b>RM 2,400</b>
iii. Semester Ketiga (Disember)	<b>RM 2,400</b>
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>	<b>RM 7,450</b>
<b>Yuran Asrama</b> <small>Yuran asrama bagi semester kedua dan ketiga dijelaskan sebelum semester bermula</small>	
i. Semester Pertama (Mei)	<b>RM 600</b>
ii. Semester Kedua (Julai)	<b>RM 1,200</b>
iii. Semester Ketiga (Disember)	<b>RM 1,200</b>
<b>JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR</b>	<b>RM 3,000</b>

### Pelajar Antarabangsa

<b>Yuran Pelajar Baharu</b>	
i. Pendaftaran	<b>RM1,300</b>
ii. Yuran Pentadbiran	
<b>Yuran Tuisyen</b>	
i. Semester Mei	<b>RM2,500</b>
ii. Semester Julai	<b>RM5,000</b>
iii. Semester Disember	<b>RM5,000</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM13,800</b>